



**BAB
LIMA**

BAB 5 KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Secara khusus tujuan kajian ini ialah untuk mendapatkan data mengenai kekerapan kesalahan kata ganti nama diri yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing di Universiti Malaya seperti yang telah diterangkan dalam bab 2.

Data yang diperolehi daripada jawapan yang telah dihasilkan oleh sampel (bab 4), menunjukkan tahap penguasaan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Melayu di universiti pada peringkat kemahiran bahasa tulisan. Oleh itu, seluruh perbincangan, cadangan dan kesimpulan yang dikemukakan dalam bab 5 ini merujuk kepada kemahiran bahasa tulisan yang dihasilkan oleh sampel dalam kajian ini.

5.1 Perbincangan Mengenai Kata Ganti Nama Diri

Perbincangan akan dimulakan dengan kekerapan kesalahan kata ganti nama diri dan jenis-jenisnya kemudian diikuti dengan kertas soal selidik yang merangkumi empat perkara iaitu sikap, motivasi, masalah dan strategi.

5.1.1 Kekerapan Kesalahan Kata Ganti Nama Diri dan Jenis-Jenisnya.

Berdasarkan data yang dikumpul, didapati bahawa jumlah kekerapan kesalahan kata ganti nama diri termasuk kekerapan kesalahan semua jenis iaitu padanan, posisi, susunan, penambahan dan pengguguran ialah sebanyak 459 kekerapan, iaitu sebanyak 50 % dari sejumlah 918 kata ganti nama diri yang telah dihasilkan oleh pelajar dalam jawapan ujian. (sila rujuk jadual 4.1)

Kategori padanan mencatat kekerapan kesalahan tertinggi iaitu sebanyak 271 kekerapan atau 59 %, diikuti oleh kategori pengguguran iaitu sebanyak 80 kekerapan atau 17.40 %, kategori posisi iaitu sebanyak 70 kekerapan atau 15.20 %, kategori susunan iaitu sebanyak 27 kekerapan atau 6 %, dan kategori penambahan iaitu sebanyak 11 kekerapan atau 2.40 %.

Secara purata setiap pelajar telah melakukan sebanyak 41.72 kesalahan atau 55 %. Manakala purata kata ganti nama diri yang telah dihasilkan oleh setiap pelajar pula ialah sebanyak 83.45 atau 9.10%.

Berpandukan angka-angka tersebut, secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa kekerapan kesalahan kata ganti nama diri amat ketara sekali yang bermakna bahawa penguasaan pelajar-pelajar Melayu dalam

aspek kata ganti nama diri bahasa Sepanyol masih lemah. Juga didapati, pelajar dalam kajian ini paling banyak melakukan kesalahan dalam kategori padanan.

Perbincangan selanjutnya ialah tentang kelemahan pelajar serta kekerapan kesalahan kata ganti nama diri menurut kategori dengan mendahuluikan kategori kesalahan yang paling tinggi kekerapan kesalahannya; diikuti oleh kategori-kategori kesalahan yang kekerapannya lebih rendah.

5.1.1.1 Penguasaan Pelajar Dalam Kategori Padanan

Kategori padanan mencatat kekerapan kesalahan tertinggi iaitu sebanyak 271 kekerapan atau 59 %. Daripada jumlah itu dapat diperhatikan bahawa purata kekerapan kesalahan padanan bagi tiap-tiap orang pelajar ialah 24.64 atau 59.06 %. (sila rujuk jadual 4.1 dan jadual 4.2)

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, penyelidik telah membahagikan kesalahan padanan kepada 5 jenis iaitu; Padanan kata ganti nama diri dengan subjek refleksif (PA1), padanan kata ganti nama diri dengan objek langsung (PA2), padanan kata ganti nama diri dengan objek tidak langsung (PA3), padanan kata ganti nama diri dengan bilangan (PA4) dan padanan kata ganti nama diri dengan genus (PA5).

Data yang diperolehi menunjukkan bahawa, padanan jenis PA5 mencatat peratus kesalahan tertinggi iaitu sebanyak 27 %; diikuti oleh PA2 iaitu sebanyak 24 %, PA4 iaitu sebanyak 20 %, PA3 iaitu sebanyak 18 % dan PA1 iaitu sebanyak 11 %. (sila rujuk jadual 4.3)

Berdasarkan penelitian penyelidik, di antara faktor-faktor yang telah menyebabkan pelajar melakukan kesalahan dalam aspek ini ialah sikap pelajar yang tidak bersungguh mengingati apa yang dipelajari, menjawab soalan ujian secara sambil lewa, di samping pelbagai kekeliruan yang wujud hasil daripada gangguan bahasa pertama yang mempunyai banyak perbezaan dengan bahasa baharu yang dipelajari.

5.1.1.2 Penguasaan Pelajar dalam Kategori Pengguguran

Kategori pengguguran mencatat kekerapan kesalahan kedua tertinggi iaitu sebanyak 80 kekerapan atau 17.40 %. Daripada jumlah ini dapat diperhatikan bahawa purata kekerapan kesalahan pengguguran bagi tiap-tiap orang pelajar ialah 7.27 kekerapan atau 17.42 % (sila rujuk jadual 4.1 dan 4.2).

Seperti yang telah dinyatakan dalam bab terdahulu, pengguguran ialah penghilangan kata ganti nama diri yang sepatutnya wujud di dalam

ayat yang dihasilkan dan dengan sebab ketiadaan itu ayat tersebut menjadi tidak gramatis dan tidak bermakna.

Tiga jenis kesalahan pengguguran yang telah diberi tumpuan oleh penyelidik ialah:

1. Kesalahan pengguguran jenis PE1 iaitu kesalahan pengguguran kata ganti nama objek langsung.
2. Kesalahan pengguguran jenis PE2 iaitu kesalahan pengguguran kata ganti nama objek tidak langsung.
3. Kesalahan pengguguran jenis PE3 iaitu kesalahan pengguguran kata ganti nama refleksif.

Data yang diperolehi menunjukkan bahawa, pengguguran jenis PE1 mencatat peratus kesalahan tertinggi iaitu sebanyak 42.5 %; diikuti oleh PE3 iaitu sebanyak 31.25 %, PE2 iaitu sebanyak 26.25 %. (sila rujuk jadual 4.4)

Pada hemat penyelidik, kegagalan pelajar memahami fungsi kata ganti nama diri di dalam wacana dan sikap pelajar sendiri yang tidak berusaha untuk mengingati dan menguasai kata ganti nama diri samada kata ganti nama refleksif, kata ganti nama diri objek langsung maupun kata ganti

nama diri objek tidak langsung telah menyebabkan mereka melakukan kesalahan dalam aspek ini.

5.1.1.3 Penguasaan Pelajar dalam Kategori Posisi

Kategori posisi (PO) menduduki tempat ketiga daripada 5 kategori kesalahan kata ganti nama diri iaitu sebanyak 70 kekerapan kesalahan atau 15.2% PO bagi seluruh sampel ($N = 11$). Purata kekerapan kesalahan PO bagi tiap-tiap pelajar pula ialah 6.40 atau 15.34%.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 34 kekerapan kesalahan atau 48.60% ialah kesalahan posisi jenis PO3 iaitu kesalahan posisi kata ganti nama diri objek langsung, sebanyak 30 kekerapan kesalahan atau 42.80% ialah kesalahan posisi jenis PO2 iaitu kesalahan posisi kata ganti nama objek tidak langsung, sebanyak 6 kekerapan kesalahan atau 8.60% ialah kesalahan posisi jenis PO1 iaitu kesalahan posisi kata ganti nama refleksif. (sila rujuk jadual 4.5)

Posisi ialah kedudukan kata ganti nama diri di dalam ayat samada sebelum atau selepas kata kerja bergantung kepada bentuk kata kerja tersebut .

Penyelidik berpendapat bahawa pelajar memang lemah dari segi menguasai aspek kedudukan kata ganti nama diri disebabkan oleh kelemahan mereka menguasai unsur-unsur yang menentukan kedudukannya, seperti bentuk-bentuk kata kerja dan aturan menyusun kata ganti nama diri yang wujud lebih dari satu di dalam ayat. Pelajar juga lemah dari segi membezakan antara kata ganti nama diri objek langsung dengan artikel tentu yang mempunyai bentuk yang sama. Di samping itu penyelidik juga mengesan bahawa sikap terlampau tidak bersungguh untuk menghasilkan jawapan yang tepat adalah antara punca pelajar melakukan kesalahan di dalam aspek ini.

5.1.1.4 Penguasaan Pelajar dalam Kategori Susunan

Kategori susunan mencatat kekerapan kesalahan yang kedua terendah iaitu sebanyak 27 kesalahan atau 6%. Purata kekerapan kesalahan susunan bagi tiap-tiap orang pelajar ialah 2.45 atau 5.87%. Seperti yang telah dinyatakan dalam bab terdahulu, kesalahan susunan tidak mempunyai kategori.

Susunan merujuk kepada aturan kata ganti nama diri apabila wujud lebih dari satu kata ganti nama diri di dalam ayat samada kata ganti nama diri objek langsung wujud bersama kata ganti nama diri objek tidak

langsung atau kata ganti nama diri objek langsung wujud bersama kata ganti nama refleksif ataupun ketiga-tiganya wujud bersama.

Penyelidik menyimpulkan bahawa, tiadanya usaha daripada pelajar sendiri untuk mengingati peraturan menyusun kata ganti nama diri di dalam ayat, telah menyebabkan mereka melakukan kesalahan di dalam kategori ini.

5.1.1.5 Penguasaan Pelajar dalam Kategori Penambahan.

Kategori penambahan (PB) mencatatkan kekerapan kesalahan terendah iaitu sebanyak 11 kesalahan atau 2.40%. Purata kekerapan kesalahan PB bagi tiap-tiap orang pelajar pula ialah 1 kesalahan atau 2.40%.

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab terdahulu penyelidik telah membahagikan kesalahan penambahan kepada tiga kategori iaitu; Penambahan kata ganti nama refleksif di dalam ayat (PB3), penambahan kata ganti nama diri objek tidak langsung (PB2), dan penambahan kata ganti nama diri objek langsung (PB1).

Di antara tiga kategori tersebut, peratus kesalahan penambahan jenis PB3 adalah paling tinggi iaitu sebanyak 8 kesalahan atau 73%; diikuti oleh

PB2 iaitu sebanyak 2 kesalahan atau 18%, dan PB1 iaitu sebanyak 1 kesalahan atau 9%.

Kesalahan penambahan merujuk kepada kesalahan menambahkan sesuatu kata ganti nama yang tidak perlu di dalam ayat menyebabkan ayat tersebut menjadi tidak gramatis.

Pada hemat penyelidik, kesalahan dalam kategori ini berlaku kerana pelajar tidak begitu memahami fungsi kata ganti nama diri sebagai pengganti kepada kata nama, dan kekeliruan yang timbul di antara kata kerja biasa dan kata kerja refleksif menyebabkan mereka menambah kata ganti nama diri yang tidak perlu dan tidak relevan.

5.2 Perbincangan Mengenai Kertas Soal Selidik

Perbincangan mengenai kertas soal selidik merangkumi perkara-perkara seperti yang berikut;

5.2.1 Sikap Terhadap Bahasa Sepanyol

Data yang terdapat dalam jadual 4.8 dan 4.9 (sila rujuk bab 4) menunjukkan bahawa secara umumnya pelajar-pelajar Melayu yang menjadi sampel di dalam kajian ini mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa

Sepanyol, dan sikap mereka terhadap penutur bahasa Sepanyol juga adalah positif. Ini menepati ramalan awal penyelidik yang meramalkan bahawa pelajar-pelajar Melayu tidak akan bersikap negatif terhadap bahasa Sepanyol dan mereka juga tidak akan bersikap negatif terhadap penutur bahasa Sepanyol. Ramalan tersebut dibuat berdasarkan kepada dua fakta sejarah seperti yang berikut:

1. Orang Melayu tidak menganggap orang-orang Sepanyol sebagai bekas penjajah kerana mereka tidak pernah menjajah tanah Melayu.
2. Islam pernah bertapak dan berkembang di bumi Sepanyol. Oleh itu orang Melayu menganggap Sepanyol adalah sebahagian daripada simbol kejayaan dan kemenangan Islam dalam sejarah kegemilangannya dahulu.

Walaubagaimanapun, terdapat segelintir pelajar yang tidak begitu baik sikap mereka terhadap bahasa Sepanyol dan juga terhadap penutur bahasa Sepanyol. Jika diperhatikan jadual 4.9 dapat dilihat bahawa sebanyak 72.73% pelajar telah bersikap sederhana terhadap penutur bahasa Sepanyol manakala peratus pelajar yang bersikap sederhana terhadap bahasa Sepanyol pula ialah 27.27% (rujuk jadual 4.8).

Sikap yang tidak begitu baik terhadap penutur bahasa Sepanyol wujud kerana faktor budaya. Perbezaan budaya di antara orang-orang

Melayu dan orang-orang yang berbahasa Sepanyol amat ketara. Orang Melayu terkenal dengan sikap ramah, berbudi bahasa dan bersopan santun. Manakala orang-orang yang berbahasa Sepanyol pula bersifat agak kasar, kurang memiliki sifat malu dan bebas dalam pergaulan. Dari sudut ini, pelajar Melayu melihat orang-orang yang berbahasa Sepanyol dengan penglihatan yang agak negatif. Ini diketahui apabila kebanyakan pelajar menjawab ‘tidak bersetuju’ dan ‘sangat tidak bersetuju’ terhadap kenyataan-kenyataan seperti; ‘Orang-orang yang berbahasa Sepanyol lebih boleh diharapkan dan lebih berbudi bahasa daripada mereka yang tidak boleh’, dan ‘orang-orang yang berbahasa Sepanyol lebih bermurah hati dan lebih suka melayani orang asing dengan baik’.

5.2.2 Motivasi Instrumental dan Pembelajaran Bahasa Sepanyol

Secara umumnya motivasi instrumental di kalangan pelajar Melayu yang terlibat di dalam kajian ini tidaklah tinggi dan tidak cukup kuat untuk memotivasikan para pelajar agar bersungguh mempelajari bahasa Sepanyol. Ini ditunjuk oleh data yang terdapat dalam jadual 4.11, di mana 81.82% pelajar mempunyai motivasi instrumental yang sederhana.

Pelajar yang dikaji tidak menganggap bahawa pengetahuan yang baik tentang bahasa Sepanyol perlu untuk mendapat pengakuan masyarakat. Pelajar juga tidak ter dorong untuk menguasai bahasa Sepanyol dengan fasih

kerana mereka yang fasih dalam bahasa Sepanyol tidak dianggap sebagai orang yang terpelajar. Hal ini diketahui apabila pelajar memberikan skor yang rendah terhadap kenyataan-kenyataan seperti; ‘Seseorang itu perlu mempunyai pengetahuan bahasa Sepanyol yang baik untuk mendapat pengakuan masyarakat’ dan ‘Saya rasa tiada seorang pun yang benar-benar terpelajar kecuali ia fasih dalam bahasa Sepanyol’, seperti yang terdapat dalam jadual 4.13.

Ada beberapa faktor yang membolehkan motivasi bentuk ini menjadi tinggi. Antaranya ialah :

1. Memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang menunjukkan minat dan berusaha untuk mempelajari bahasa Sepanyol untuk melanjutkan pelajaran ke Sepanyol, Mexico atau negara-negara Hispanik yang lain. Hal ini boleh membantu membentuk tanggapan di kalangan pelajar bahawa orang yang boleh menguasai bahasa Sepanyol dengan baik adalah orang-orang yang terpelajar.

2. Memberi keutamaan kepada mereka yang mampu menguasai bahasa asing termasuk bahasa Sepanyol untuk mendapat pekerjaan dalam sektor awam dan juga swasta. Dengan ini, pelajar-pelajar akan beranggapan bahawa orang yang mempunyai pengetahuan bahasa Sepanyol yang baik akan diperakui masyarakat.

5.2.3 Motivasi Integratif dan Pembelajaran Bahasa Sepanyol

Penelitian menunjukkan bahawa motivasi instrumental di kalangan pelajar Melayu untuk mempelajari bahasa Sepanyol tidaklah tinggi. Walaubagaimanapun, hal yang sebaliknya berlaku pada motivasi integratif. Data yang terdapat dalam jadual 4.12 menunjukkan bahawa 81.82% pelajar mempunyai motivasi integratif yang kuat untuk mempelajari bahasa Sepanyol.

Menurut Larson dan Smalley (1972:3) dalam Zulkifley Hamid (1994:81), motivasi integratif timbul disebabkan oleh keperluan untuk menghapuskan atau mengurangkan rasa keterasingan.

Kejayaan menjadi dwibahasan selalunya disebabkan oleh rasa terasing. Selagi seseorang itu dapat berinteraksi dengan mereka yang diperlukan dan dihargai, insentif untuk mempelajari bahasa kedua tidak wujud.

Namun pada hakikatnya penduduk Malaysia tidak akan berasa terasing jika mereka tidak menguasai bahasa Sepanyol. Ini kerana untuk berkomunikasi sesama mereka, bahasa ibunda akan digunakan. Walaubagaimanapun, timbulnya keinginan untuk mengunjungi negara-negara berbahasa Sepanyol dan bersahabat dengan orang-orang yang berbahasa Sepanyol telah menimbulkan motivasi integratif di kalangan

pelajar untuk mempelajari bahasa Sepanyol. Pelajar juga terdorong untuk menyelami dan memahami budaya dan cara hidup orang-orang berbahasa Sepanyol, dan dengan sebab itu menimbulkan motivasi integratif. Hal yang demikian terjadi mungkin kerana pelajar-pelajar terpengaruh dengan cerita-cerita berbahasa Sepanyol di tv yang secara tidak langsung mendedahkan pelajar kepada bahasa, budaya dan masyarakat penutur bahasa Sepanyol.

Data yang terdapat dalam jadual 4.13 menunjukkan bahawa pelajar memberikan respon yang positif terhadap kenyataan-kenyataan seperti; ‘Saya mempelajari bahasa Sepanyol supaya pada suatu hari nanti saya akan dapat melawat negara yang berbahasa Sepanyol dan bersahabat dengan orang-orang di sana’, ‘Mengetahui bahasa Sepanyol menyenangkan saya untuk mendapat sahabat baik di kalangan orang yang berbahasa Sepanyol’, dan ‘Bahasa Sepanyol boleh membantu saya untuk memahami orang-orang yang berbahasa Sepanyol dan cara hidup mereka dengan lebih baik’, sekaligus membuktikan bahawa motivasi integratif wujud di kalangan mereka.

5.2.4 Masalah dalam Pembelajaran Bahasa Sepanyol

Walaupun data yang terdapat dalam jadual 4.14 menunjukkan bahawa pelajar pada keseluruhannya tidak mempunyai masalah dalam

pembelajaran, tetapi tidaklah dapat dikatakan tidak ada masalah langsung.

Ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti yang berikut:

i. **Perbezaan antara Bahasa Sepanyol dan Bahasa Melayu**

Bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu adalah dua bahasa yang sangat berbeza. Bahasa Sepanyol berasal daripada keluarga bahasa Indo-Eropah manakala bahasa Melayu berasal daripada keluarga bahasa Austronesia. Perbezaan antara kedua bahasa amat ketara dari segi tatabahasa. Bahasa Sepanyol mempunyai sistem kala, genus dan bilangan yang jelas, manakala bahasa Melayu pula tidak mempunyai sistem kala, genus dan bilangan yang jelas. Perbezaan ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah untuk menguasai bahasa Sepanyol termasuklah dalam aspek kata ganti nama diri.

ii. **Masalah Guru yang Tidak Menepati Waktu**

Suatu masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah dari segi ketepatan guru datang mengajar. Guru sepatutnya adalah lilin yang sanggup membakar diri demi untuk menerangi orang lain. Guru juga adalah model terbaik untuk dicontohi oleh para pelajar. Guru yang baik bukan sahaja memiliki ilmu yang tinggi dalam bidang yang

diajarnya, tetapi juga memiliki tingkah laku, perwatakan dan akhlak yang baik. Datang tepat pada waktu adalah penting kerana ia boleh membantu pelajar membentuk persepsi yang positif terhadap bahasa dan penutur bahasa yang dipelajari.

iii. Nota dan Rujukan

Seperkara yang sering menjadi masalah bagi pelajar ialah nota dan rujukan. Kebanyakan pelajar tidak mempunyai nota yang lengkap kerana tidak cekap mengambil nota sewaktu pengajaran sedang berlangsung lebih-lebih lagi yang melibatkan pengajaran bahasa asing yang dikendalikan sepenuhnya di dalam bahasa asing itu. Pelajar-pelajar Melayu yang kebanyakannya lemah di dalam bahasa Inggeris pula tidak dapat menggunakan buku-buku rujukan yang ada di perpustakaan kerana ia ditulis di dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa asing. Hal yang demikian telah menyebabkan pelajar-pelajar Melayu yang mengambil kursus bahasa asing sering tercicir di dalam pembelajaran mereka.

5.2.5 Strategi dan Pembelajaran Bahasa Sepanyol

Keputusan kertas soal selidik menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang dikaji telah belajar bersungguh-sungguh dan menggunakan

pelbagai strategi untuk menguasai bahasa Sepanyol. Pendek kata mereka telah melakukan apa yang sepatutnya dilakukan oleh seorang pelajar yang berjaya. Mereka membuat kerja rumah yang diberikan, melibatkan diri di dalam kelas, menghafal, mengulangkaji, membuat latih tubi, mempraktikkan apa yang dipelajari, mengunjungi perpustakaan, menggunakan kemudahan internet dan sebagainya. Namun begitu, usaha yang tidak mengenal jemu itu masih tidak membawa hasil yang memuaskan kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar secara keseluruhannya masih lemah dalam aspek kata ganti nama diri.

5.3 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan dapat dikemukakan. Kandungan sukanan pelajaran bahasa Sepanyol hendaklah dikemaskinikan lagi. Dicadangkan supaya pengajaran kata ganti nama diri diselitkan ke dalam pengajaran lisan, pengajaran bacaan dan kefahaman; dan pengajaran penulisan, tidak hanya sekadar dimasukkan ke dalam pengajaran tatabahasa. Dicadangkan juga supaya ia diselitkan ke dalam pengajaran budaya kerana kata ganti nama juga adalah sebahagian daripada unsur budaya.

Sementara itu, dicadangkan supaya guru-guru yang mengajar bahasa Sepanyol memberikan perhatian yang berat kepada latihan-latihan

penggunaan kata ganti nama diri dari aspek padanan. Ini kerana sejumlah besar kekerapan kesalahan kata ganti nama diri yang ditemui dalam kajian ini berpunca daripada kesalahan padanan.

Berdasarkan tinggi rendahnya kekerapan kesalahan kata ganti nama diri yang ditemui dalam kajian ini, maka dicadangkan supaya diberikan perhatian tentang aspek mana patut diberi penekanan dan aspek mana patut dikurangkan (tidak semuanya patut mendapat keutamaan yang sama) berdasarkan tinggi rendahnya kekerapan kesalahan, misalnya kesalahan padanan didapati paling tinggi, begitu juga kekerapan kesalahan posisi, patut diberi keutamaan dalam pengajaran bahasa Sepanyol. Untuk tujuan ini, guru-guru yang terlibat dengan pengajaran bahasa Sepanyol patutlah menyimpan rekod yang mengandungi data tentang kekerapan kesalahan bahasa termasuk kekerapan kesalahan kata ganti nama diri, yang mereka dapati daripada pelajar-pelajar mereka melalui latihan lisan dan penulisan, misalnya. Untuk mencapai matlamat di atas, guru-guru yang berkenaan perlu didedahkan kepada tatacara menjalankan penyelidikan tentang kesalahan bahasa melalui latihan, kursus, bengkel, seminar dan sebagainya. Di samping itu, disarankan juga agar guru-guru yang mengajar bahasa Sepanyol memberi perhatian yang lebih berat kepada aspek ketepatan waktu.

Akhir sekali, penyelidik ingin mencadangkan agar diadakan kajian lanjut mengenai kata ganti nama diri bahasa Sepanyol dengan menumpukan kepada aspek-aspek yang lain pula. Ini kerana aspek-aspek kekerapan kesalahan kata ganti nama diri yang telah diselidiki melalui kajian ini tidak bersifat menyeluruh, misalnya kesalahan padanan masih boleh dilanjutkan kajiannya dengan tujuan untuk mendapatkan data kekerapan kesalahan padanan yang lebih luas dan menyeluruh yang melibatkan sampel yang lebih ramai yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Kajian lanjutan juga perlu dibuat untuk mendapatkan data tentang sikap dan motivasi serta kaitannya dengan pembelajaran bahasa Sepanyol. Ini kerana aspek-aspek yang telah diteliti menerusi kertas soal selidik bersifat umum, misalnya aspek sikap dan motivasi boleh dilanjutkan kajiannya dengan tujuan untuk melihat kaitan antara sikap dan motivasi dan kesannya ke atas pembelajaran bahasa Sepanyol.

Begitu juga dalam aspek masalah, kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mengenalpasti pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar yang mungkin tidak terhad kepada masalah akademik sahaja.

5.4 Kesimpulan

Kajian ini bermula daripada wujudnya masalah penguasaan bahasa Sepanyol di kalangan pelajar Melayu iaitu ketidakmampuan mereka memahami teks bahasa Sepanyol dengan baik disebabkan oleh kegagalan mereka menguasai kata ganti nama diri dengan baik juga. Setelah kajian dijalankan maka beberapa kesimpulan dapat dibuat berdasarkan dapatan kajian ini.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah pelajar Melayu yang terlibat di dalam kajian ini telah melakukan kesalahan dalam kelima-lima aspek kata ganti nama diri yang dikaji iaitu aspek padanan, posisi, pengguguran, susunan dan penambahan. Analisis terhadap kesalahan padanan menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan genus didapati paling tinggi manakala analisis terhadap kesalahan posisi menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan posisi kata ganti nama refleksif didapati paling tinggi. Analisis terhadap kesalahan pengguguran menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan pengguguran kata ganti nama diri bagi objek langsung didapati paling tinggi manakala analisis terhadap kesalahan penambahan menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan penambahan kata ganti nama refleksif didapati paling tinggi. Analisis terhadap kesalahan susunan pula menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan susunan didapati kedua terendah di antara 5 kategori yang teliti.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kategori padanan mencatatkan kekerapan kesalahan sebanyak 271 kekerapan atau 59%, kategori pengguguran mencatatkan kekerapan kesalahan sebanyak 80 kekerapan atau 17.40%, kategori posisi mencatatkan kekerapan kesalahan sebanyak 70 kekerapan atau 15.20%, kategori susunan mencatatkan kekerapan kesalahan sebanyak 27 kekerapan atau 6% dan kategori penambahan mencatatkan kekerapan kesalahan sebanyak 11 kekerapan atau 2.40%. Berdasarkan dapatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa pelajar paling banyak melakukan kesalahan dalam aspek padanan, manakala penambahan pula adalah merupakan aspek yang pelajar paling kurang melakukan kesalahan.

Analisis terhadap kertas soal selidik pula menunjukkan bahawa sikap pelajar Melayu terhadap bahasa Sepanyol adalah positif, tetapi sikap mereka terhadap penutur bahasa Sepanyol adalah sederhana. Hasil soal selidik itu juga menunjukkan bahawa motivasi intergratif para pelajar adalah lebih tinggi berbanding motivasi instrumental. Berdasarkan soal selidik itu juga didapati bahawa pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi terlalu banyak masalah dalam mempelajari bahasa Sepanyol dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh mereka juga adalah mantap.

Pada keseluruhannya hasil kajian telah menunjukkan bahawa:

- a. Pelajar-pelajar Melayu di Universiti Malaya belum mahir menggunakan kata ganti nama diri dalam bahasa Sepanyol meskipun telah mempelajari bahasa Sepanyol secara formal selama 3 tahun.
- b. Meski pun sikap pelajar Melayu terhadap bahasa Sepanyol adalah positif dan tidak pula bersikap negatif terhadap penutur bahasa Sepanyol, mempunyai motivasi yang boleh dikatakan kuat untuk mempelajari bahasa Sepanyol, tidak menghadapi masalah dalam mempelajari bahasa Sepanyol dan mereka juga telah menggunakan strategi yang mantap untuk belajar bahasa Sepanyol, tetapi mereka masih tidak dapat menguasai aspek kata ganti nama diri dengan baik. Oleh itu satu pertimbangan yang teliti diperlukan khasnya oleh pengajar bahasa Sepanyol di peringkat universiti.